

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PINDAAN WAKTU SESI PETANG
BAGI PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2020**

Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (LPKPM) ingin memaklumkan pindaan jadual masa bagi sesi petang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020.

Waktu mula peperiksaan sesi petang dipinda dari pukul 2:00 petang kepada 2:15 petang. Dengan pindaan ini, waktu tamat peperiksaan juga akan dilanjutkan selama 15 minit. Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Mac 2021 (Isnin) hingga tamat peperiksaan SPM 2020 pada 25 Mac 2021 (Khamis).

Pindaan ini bertujuan untuk memberi ruang dan keselesaan kepada calon berehat, makan dan menunaikan sembahyang sementara menunggu waktu mula peperiksaan bagi sesi petang. Sehubungan dengan itu, LPKPM memohon kerjasama semua pihak yang terlibat dengan peperiksaan SPM 2020 termasuk calon, ibu bapa, petugas peperiksaan, pihak sekolah, pejabat pendidikan daerah (PPD) serta jabatan pendidikan negeri (JPN) untuk mengambil perhatian dan tindakan berkaitan.

Pindaan ini dibuat demi kepentingan dan kebajikan calon bagi memastikan kelancaran pengurusan peperiksaan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

-TAMAT-

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
26 FEBRUARI 2021**